



TEKS UCAPAN

**YANG BERUSAHA DATO' MOHD. YAZID BIN SAIRI D.S.I.S.
YANG DIPERTUA, MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG**

**DI MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN
BAGI BULAN FEBRUARI TAHUN 2024
PERINGKAT MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG**

**28 FEBRUARI 2023 (RABU)
8.30 PAGI | LOBI MENARA MPS**

Bismillahirrahmanirrahim.....

Terima kasih pengacara majlis,

Yang Berusaha Tuan Adi Faizal bin Ahmad Tarmizi
Timbalan Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Selayang

**Yang Dihormati Dato' Paduka Raja Tan Sri Dato' (Dr.) Hj.
Wan Mahmood bin Pa' Wan Teh,**
Orang Kaya Maha Bijaya Orang Besar Daerah Gombak

Yang Berusaha Tuan Haji Az'har bin Samsuri,
Penolong Setiausaha, Majlis Perbandaran Selayang

Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis,

Para pengarah jabatan, Pegawai-pegawai, tuan-tuan, puan-
puan warga MPS sekalian.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera,

1. Alhamdulillah, saya memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurniaNya, dapat kita bersama-sama berhimpun di hari yang cukup bermakna ini dalam Majlis Perhimpunan Bulan Februari Peringkat Majlis Perbandaran Selayang bagi Tahun 2024.
2. Saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Majlis dan seluruh warga Majlis Perbandaran Selayang kerana dapat meluangkan masa untuk hadir ke perhimpunan pada pagi ini.
3. Pada tahun 2024, MPS telah membuat pembaharuan dimana majlis perhimpunan bulanan akan diuruskan oleh Jabatan Dalaman MPS secara bergilir. Bagi bulan Februari 2024, perhimpunan pagi ini diuruskan sepenuhnya oleh Jabatan Pembangunan Masyarakat.
4. Umum mengetahui bahawa Jabatan Pembangunan Masyarakat merupakan jabatan yang bertanggungjawab menguruskan program-program Pembangunan dan Pengurusan Aktiviti Sukan & Rekreasi, Pengembangan

Aktiviti Kebudayaan dan Kesenian, Pembangunan Generasi Muda dan Pembangunan Komuniti & Khidmat Sosial khususnya kepada masyarakat di bawah pentadbiran Majlis Perbandaran Selayang.

5. Berdasarkan pada tayangan video sebentar tadi, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Jabatan Pembangunan Masyarakat yang telah berjaya melaksanakan lebih daripada 24 program bagi tahun 2023. JPM merupakan penggerak untuk Majlis bagi memperkasakan serta membantu masyarakat dari segi ekonomi, sosial dan juga sukan.
6. Baru-baru ini pun dapat dilihat MPS telah mula menggerakkan program dan aktiviti bagi membolehkan peserta untuk menjana pendapatan seperti Bengkel Jana Pendapatan Melalui *Youtube*. Program ini telah berjaya melatih seramai 50 orang peserta.
7. Selain itu, JPM turut menyelaras program-program berbentuk bantuan kepada komuniti sasaran bagi membantu meringankan bebanan kos sara hidup yang dihadapi. Antara program yang telah dilaksanakan adalah Program Ihya Ramadan dan Program Ceria Kembali Ke Sekolah.

8. Selain itu, JPM juga menguruskan Bantuan Baik Pulih Rumah Dan Bina Baharu bagi golongan B40, miskin dan miskin tegar dengan kerjasama daripada Unit Urus Selenggara Bangunan (USB), Jabatan Kejuruteraan.
9. Dalam melaksanakan pelbagai program Majlis, JPM bukan sahaja berkolaborasi dengan agensi mahu pun pihak-pihak yang berkaitan di peringkat tempatan, malahan turut berkerjasama dengan pihak antarabangsa bertujuan memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat setempat.
10. MPS juga telah menerima kunjungan dan penempatan pakar daripada Jepun melalui The Japan Council of Local Authorities for International Relations (JCLAIR) bagi perkongsian pengurusan Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) yang kini sedang diusahakan pembinaannya di Gombak Permai.
11. Disini saya ingin mengucapkan tahniah kepada Jabatan Pembangunan Masyarakat di atas segala pencapaian dan program-program yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2023 dan diharapkan pencapaian membanggakan ini diteruskan pada tahun 2024.

YAD Tan Sri, tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

KARNIVAL SELAYANGKU SAYANG 2024

12. Disini sayan juga ingin memaklumkan pada 2 dan 3 Mac 2024 ini, MPS akan menganjurkan Karnival Selayangku Sayang bertempat di Dataran Ilmu, Bandar Baru Selayang.
13. Penganjuran program ini melibatkan jalinan kolaborasi dengan pelbagai pihak seperti Menteri Besar Selangor Incorporated (MBI) Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS), Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Sri Ternak Group, Adabi Consumer Industries Sdn. Bhd. dan MND Sports & Event Sdn. Bhd. bagi jualan murah untuk produk barangan makanan asas dan kelengkapan sekolah.
14. Selain daripada aktiviti jualan, pelbagai aktiviti sampingan turut diadakan bagi memeriahkan lagi program ini seperti Pemberian Sayur Percuma, Sukan Rakyat, Pertandingan Raja Buskers, Pertandingan *Penalty Sharp Shooter*, Pertandingan *Netball Shootout*, Pertandingan Bercerita Kanak-Kanak, Pertandingan Pakaian Beragam Kanak-Kanak, Pertandingan Mewarna

Kanak-Kanak, Pertandingan Dam Siapa Haji Dulu, Bouncing Castle, Ais Krim Percuma dan Cabutan bertuah.

15. Saya ingin mengambil kesempatan dan menjemput semua warga MPS untuk bersama-sama hadir memeriahkan program Karnival Selayangku Sayang ini.

KEJOHANAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN (MALA)

16. Baru-baru ini pasukan Futsal MPS telah menyertai Kejohanan Karnival Sukan Persatuan Pihak Berkuasa Tempatan Malaysia (MALA) yang telah berlangsung di Kompleks Sukan Batu Berendam, Melaka pada 22 hingga 25 Februari 2024.
17. Dalam kejohanan ini, pasukan Futsal MPS telah berjaya menjadi 8 pasukan terbaik daripada 48 pasukan dari seluruh Malaysia.

PENCAPAIAN HRMIS KPI 100% TAHUN 2022

18. Pada 17 Januari 2024, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor telah memberikan ucapan syabas dan tahniah kepada Majlis Perbandaran Selayang kerana telah memperolehi Pencapaian KPI HRMIS 100% bagi tahun 2022.
19. Pencapaian tersebut merupakan Pencapaian KPI HRMIS 100% kali ke-6 berturut-turut dan bagi Pencapaian KPI HRMIS 100% ini, MPS merupakan satu-satunya PBT di Negeri Selangor yang mendapat 100%. Tahniah diucapkan atas kerjasama dan komitmen yang diberikan oleh seluruh warga MPS.

KURSUS INDUKSI KAKITANGAN BAHARU MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG

20. Untuk makluman, pada 21 hingga 23 Februari 2024 telah berlangsungnya Kursus Induksi Kakitangan Baharu Majlis Perbandaran Selayang bertempat di Taman Rimba Bukit Lagong yang melibatkan seramai 58 orang kakitangan lantikan baharu MPS bagi tahun 2023 termasuk kakitangan tetap dan kontrak dari pelbagai gred penjawatan dan jabatan.

21. Tujuan kursus ini diadakan adalah untuk memberi pengenalan kepada kakitangan lantikan baharu mengenai latar belakang Majlis Perbandaran Selayang, carta organisasi, fungsi-fungsi Jabatan, Peraturan-Peraturan Penjawat Awam, Arahan Perbendaharaan dan aktiviti serta pencapaian di MPS serta motivasi Modal Insan kepada peserta.
22. Antara objektif yang telah dicapai dalam penganjuran kursus ini adalah untuk menanamkan semangat kerja berpasukan dan hormat menghormati antara satu sama lain serta menerapkan sikap positif sebagai pegawai dan kakitangan baharu MPS dalam menjalankan tugas dengan penuh amanah dan bertanggungjawab.

YAD Tan Sri, tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

PENUTUP

23. Sebelum itu, saya ada satu pengumuman khas untuk semua. Seperti mana semua sedia maklum setiap penjawat awam akan menerima Bantuan Insentif Awal (BIA) Kajian Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (KSSPA) Tahun 2024.

24. Dengan itu, saya mengumumkan pemberian bayaran tersebut kepada semua yang layak dengan jumlah RM2,000.00 Bantuan ini akan diberi kepada tuan-tuan dan puan-puan semua pada 8 Mac 2024.

25. Akhir sekali saya juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan selamat berpuasa kepada semua kakitangan beragama Islam yang bakal tiba pada 12 Mac 2024.

Sekian, wassalamualaikum w.b.t dan terima kasih.